

Kerjasama ekonomi akan diutamakan

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri Papua New Guinea, Encik Michael T. Somare yang akan memulakan lawatan rasmi ke Malaysia pada 19 hingga 22 November ini dijangka menitikberatkan bidang-bidang kerjasama ekonomi dan bantuan teknikal dalam perancangannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Hamad.

Jurucakap Wisma Putra memberitahu hari ini Encik Somare juga akan mengkaji serta menggariskan langkah-langkah yang sesuai untuk memajukan perdagangan antara kedua negara, khususnya mewujudkan usahasama dalam bidang perlombongan dan perladangan.

Perdana Menteri itu akan di sini negara ini selama empat hari sebagai membalas lawatan Datuk Seri Dr Mahathir ke Port Moresby Oktober tahun lalu.

Dalam lawatan itu, Datuk Seri Dr Mahathir memberi jaminan bahawa Malaysia sedia menyertai beberapa rancangan ekonomi dan teknik yang praktikal dengan Papua New Guinea.

Jurucakap itu berkata, ketika di Malaysia, Encik Somare akan meninjau rancangan latihan yang ditawarkan oleh negara ini di bawah rancangan kerjasama teknik bagi negara membangun.

Berita Harian difahamkan dalam bidang ekonomi, Malaysia, melalui Perbadanan Pelaburan Seberang Lautnya (MOIC) akan menambah pelaburannya dalam bidang perladangan dan perlombongan di kepulauan itu.

Pelaburan

Sumber-sumber MOIC menyatakan bahawa satu pasukan khas telah dihantar ke Papua New Guinea pada pertengahan tahun ini untuk mengkaji kemungkinan menubuhkan usahasama dalam sektor perladangan dan perlombongan di negara itu.

Jurucakap Wisma Putra itu menjelaskan bahawa setakat ini pelaburan Malaysia di negara itu berkembang dengan pesat dan positif.

"Besarnya kemungkinan perbincangan kerjasama ekonomi antara kedua pemimpin nanti akan meningkatkan lagi pelaburan dan bantuan Malaysia ke negara itu," katanya.

Malaysia yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam beberapa bidang pembangunan termasuk penyelidikan pertanian untuk meningkatkan pengeluaran, kemajuan tanah serta pengurusan pekebun kecil dan ladang sedia membantu negara itu dalam bidang-bidang itu.

Di samping itu, Encik Somare dan Datuk Seri Dr Mahathir juga dijangka membincangkan masalah hubungan dua hala dan isu-isu politik yang mungkin timbul dalam Sidang Kemuncak Negara-Negara Komanwel di New Delhi dari 23 hingga 30 November ini. Beliau akan berlepas ke ibu negara India selepas lawatan empat harinya ke sini.

Jurucakap itu memberitahu, Encik Somare diringi oleh isterinya dan lain-lain pegawai kanan termasuk Menteri Perkhidmatan Awam, Encik Toni Slaguru.

Ketika di sini, rombongan Perdana Menteri itu akan melawat rancangan Felda di Trolak, Mardi, Port Dickson, mendengar taklimat di Unit Perancangan Ekonomi dan mengadap Timbalan Seri Paduka Baginda Yang di-Perluan Agung.

Sementara itu isteri beliau yang mempunyai aturcara lawatan berasingan akan mengunjungi isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, melawat Karyaneka dan Selangor Pewter.

Bohon asal dari Arkib
Negara Malaysia